

SOALAN NO. 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK AMAR DOUGLAS
UGGAH EMBAS [BETONG]**

TARIKH : 23MAC 2017

SOALAN :

**YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas [Betong] minta PERDANA
MENTERI menyatakan secara terperinci kadar kemiskinan di Sarawak dan
berikan pecahan mengikut kumpulan etnik.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih pada tahun 2007 sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk **mendaftarkan** golongan miskin di Malaysia dan **mengklasifikasikan kategori** golongan miskin di Malaysia sama ada mereka tergolong dalam kalangan "Miskin Tegar dan Miskin" berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sedia ada. Sistem eKasih juga mengandungi maklumat bantuan dan nilai bantuan yang diterima oleh golongan miskin tersebut. Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada **jumlah pendapatan perkapita isi rumah** dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014 ataupun *Household Income Survey* 2014. Sebagai contoh, jika pendapatan KIR dalam lingkungan RM140 ke bawah, KIR tersebut dikategorikan sebagai Miskin Tegar.

Berdasarkan rekod eKasih, sehingga **10 Mac 2017**, seramai **113,947 Ketua Isi Rumah (KIR)** yang telah berdaftar dengan eKasih di seluruh negeri **Sarawak** dan daripada jumlah tersebut seramai **27,842 KIR** adalah di bawah kategori Miskin Tegar dan **37,104 KIR** pula di bawah kategori Miskin. Manakala seramai **49,001 KIR** adalah di bawah kategori Terkeluar.

Sekian, terima kasih.